

EKONOMI TINGKATAN 4 CIKGU FARID


EKONOMI TINGKATAN 4			
BAB	TOPIK	TARIKH	CATATAN
1	Pengenalan kepada Ekonomi 1.1 Konsep Kekurangan, Pilihan dan Kos Lepas 1.2 Sistem Ekonomi dan Penyelesaian Masalah Asas Ekonomi		
2	Pasaran 2.1 Keseimbangan Pasaran 2.2 Keanjalan Harga		
3	Wang, Bank dan Pendapatan Individu 3.1 Wang dan Bank 3.2 Pendapatan Individu 3.3 Penggunaan Pendapatan Individu		
4	Pengeluaran 4.1 Konsep Pengeluaran, Kos dan Hasil 4.2 Produktiviti dan Eksternaliti		

BAB 4 - PENGELUARAN


4.1 Konsep Pengeluaran, Kos dan Hasil

4.1.1 Pengeluaran

1. Pengertian Firma




B. Pengeluaran




C. Input

- ✚ Input ialah **faktor pengeluaran yang digunakan** dalam proses pengeluaran untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan
- ✚ Input yang digunakan dalam proses pengeluaran dibahagikan kepada dua jenis :



✚ Perbezaan Antara Input Tetap & Input Berubah

INPUT TETAP	INPUT BERUBAH
• Input yang kuantitinya tetap pada sebarang tingkat output • Apabila input meningkat atau menurun, kuantiti input tetap yang digunakan adalah tetap • Pada tingkat output sifar, masih wujud input tetap • Input tetap hanya berlaku dalam jangka masa pendek • Contoh : mesin dan loji, bangunan kilang dan tanah	• Input yang kuantitinya berubah mengikut tingkat output • Apabila tingkat output bertambah, kuantiti input berubah yang digunakan akan bertambah dan sebaliknya • Pada tingkat output sifar, tidak wujud input berubah • Input berubah wujud dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang • Contoh : bahan mentah dan buruh

D. Output

Barang perantara	Barang akhir
- Barang yang akan digunakan dalam proses pengeluaran seterusnya - Contohnya ; tepung yang dihasilkan oleh sebuah firma digunakan oleh kilang biskut untuk membuat biskut	- Barang yang boleh digunakan terus oleh pengguna untuk mencapai kepuasannya. - Contohnya ; telefon bimbit ialah barang akhir

E. Jangka Masa Pengeluaran

- Merujuk kepada keupayaan sesebuah firma mengubah kuantiti input tetap dalam proses pengeluaran
- Jangka masa pengeluaran boleh dibahagikan kepada dua jenis:




Jangka Masa Pendek Pengeluaran	Jangka Masa Panjang Pengeluaran
apabila wujud sekurang-kurangnya satu input tetap dalam proses pengeluaran	Merujuk kepada suatu tempoh apabila semua input yang digunakan dalam proses pengeluaran adalah input berubah
Firma tidak dapat menyesuaikan tingkat pengeluaran atau mengubah kapasiti pengeluaran	Firma dapat mengubah tingkat output dan keupayaan pengeluaran dengan mengubah semua input yang digunakan seperti mesin, bangunan kilang dan tanah
Tingkat output hanya boleh diubah dengan mengubah kuantiti input berubah	Firma dapat menambah modal, tingkatkan teknologi untuk meningkatkan produktiviti
Contohnya ; meningkatkan jumlah bilangan buruh untuk meningkatkan pengeluaran pakaian dengan sejumlah bilangan mesin jahit yang sama	Contohnya ; meningkatkan jumlah bilangan buruh dan mesin jahit untuk meningkatkan pengeluaran pakaian

4.1.2 Fungsi Pengeluaran Jangka Pendek



- Beberapa andaian perlu dibuat sebelum menjelaskan fungsi pengeluaran jangka pendek:



JUMLAH KELUARAN

- Merujuk kepada jumlah output yang dapat dihasilkan oleh sejumlah input yang dimiliki oleh firma
- Rumus jumlah keluaran :

Keluaran Purata x Kuantiti Input Berubah

- Hubungan antara jumlah keluaran dengan kuantiti buruh (input berubah) yang digunakan adalah seperti berikut :
 - Apabila tiada buruh digabungkan dengan mesin, tiada output yang dapat dihasilkan
 - Apabila buruh dikombinasikan dengan mesin, jumlah keluaran akan bertambah
 - Jumlah keluaran akan semakin bertambah apabila bilangan buruh bertambah sehingga keluaran mencapai nilai maksimum
 - Pertambahan input berubah yang seterusnya akan menyebabkan jumlah keluaran meningkat
 - **Kesimpulannya, jumlah keluaran meningkat, mencapai nilai maksimumnya, dan kemudian menurun**

KELUARAN PURATA (AP)

- Keluaran purata merujuk kepada jumlah kuantiti keluaran yang dapat dihasilkan oleh seunit input berubah
- Rumus keluaran purata :

$$\frac{\text{Jumlah Keluaran}}{\text{Kuantiti Input Berubah}}$$

- Hubungan antara keluaran purata dengan kuantiti buruh yang digunakan adalah seperti berikut :
 - Apabila bilangan input berubah bertambah, keluaran purata akan bertambah sehingga mencapai nilai minimum
 - Seterusnya keluaran purata akan menurun. Keluaran purata tidak akan bernilai sifar selagi jumlah keluaran adalah positif
 - **Kesimpulannya, keluaran purata meningkat, mencapai nilai maksimumnya, dan kemudian menurun**

KELUARAN MARGINAL / SUT

- Merujuk kepada perubahan dalam jumlah keluaran kesan daripada perubahan dalam penggunaan satu unit input berubah
- Rumus keluaran marginal ialah :

$$\frac{\Delta \text{ Jumlah Keluaran}}{\Delta \text{ Input Berubah}}$$

- Hubungan antara keluaran marginal dengan kuantiti buruh yang digunakan adalah seperti berikut :
 - Apabila bilangan input berubah bertambah, keluaran marginal akan bertambah sehingga mencapai nilai maksimum
 - Kemudian keluaran marginal akan menurun sehingga mencapai nilai sifar
 - **Akhirnya keluaran marginal bernilai negatif apabila jumlah keluaran mulai menurun.**

Hubungan Antara Jumlah Keluaran, Keluaran Purata Dan Keluaran Sut

(a) Hubungan Antara Jumlah Keluaran & Keluaran Sut

- Apabila **Keluaran sut bernilai positif** maka **jumlah keluaran** semakin **meningkat**
- Apabila **Keluaran sut bernilai sifar** maka **jumlah keluaran** adalah **maksimum**
- **Keluaran sut negatif** maka **jumlah keluaran** semakin **menurun**

(b) Hubungan Antara Keluaran Purata & Keluaran Sut


- Keluaran Sut sama nilai dengan Keluaran Purata apabila Keluaran Purata mempunyai nilai maksimum
- Keluaran Sut mencapai nilai maksimum lebih awal daripada keluaran Purata

(c) Hubungan Antara Jumlah Keluaran, Keluaran Purata & Keluaran Sut

- Apabila **Jumlah Keluaran meningkat** maka **Keluaran Purata dan Keluaran Sut** akan **meningkat hingga ke nilai maksimum**
- Apabila **Jumlah Keluaran menurun** maka **Keluaran Purata dan Keluaran Sut** akan **menurun**.

4.1.3 Kos Pengeluaran

- Kos pengeluaran ialah segala perbelanjaan terhadap input yang digunakan dalam proses pengeluaran
- Dalam jangka pendek, wujud sekurang-kurangnya satu input tetap, maka kos pengeluaran jangka pendek terdiri daripada :



- Dalam jangka panjang, kesemua input yang digunakan adalah input berubah kerana firma berupaya mengubah input tetap menjadi input berubah. Maka kos pengeluaran jangka panjang terdiri daripada kos berubah sahaja.



KOS TETAP (FC)	KOS BERUBAH (VC)
- Kos tetap ialah bayaran yang dilakukan oleh firma terhadap penggunaan input-input tetap dalam proses pengeluaran - Kos tetap tidak berubah/malar pada setiap tingkat output - Tetap wujud walaupun output sifar - Jumlah kos = kos tetap pada tingkat output sifar - Kos tetap hanya wujud dalam jangka pendek - Contoh : bayaran sewa untuk bangunan / tanah, insurans - Rumus kos tetap : $= \text{Harga input tetap} \times \text{kuantiti input tetap}$ $= \text{Jumlah kos} - \text{kos berubah}$	- Kos berubah merujuk kepada bayaran yang dilakukan oleh firma terhadap penggunaan input-input berubah - Kos berubah akan berubah secara langsung dengan tingkat output - Semakin banyak output dihasilkan, semakin tinggi kos berubah yang perlu ditanggung - Kos berubah tidak wujud apabila output sifar. - Contoh : bayaran upah buruh, kos bahan mentah - Rumus kos berubah : $= \text{Harga input berubah} \times \text{kuantiti input berubah}$ $= \text{Jumlah kos} - \text{kos tetap}$

4.1.4 Pengiraan Kos Pengeluaran

Kos Berubah Purata (Avc)

- Merujuk kepada kos berubah seunit output dan diperoleh dengan membahagikan jumlah kos berubah dengan jumlah output.
- AVC pada mulanya menurun, dan kemudian meningkat dengan pertambahan jumlah output
- Ini adalah kerana hukum pulangan berkurangan di dalam operasi
- Semakin banyak input digunakan, tambahan jumlah keluaran yang dihasilkan semakin berkurang.
- Maka jumlah yang dibelanjakan ke atas input berubah per unit output akan semakin bertambah

$$\text{Kos Berubah Purata (AVC)} = \frac{\text{Kos Berubah (VC)}}{\text{Jumlah Keluaran (TP)}}$$

Jumlah Kos (Tc)

- Jumlah kos merujuk kepada kesemua jenis kos yang terlibat dalam proses pengeluaran output.
- Jumlah kos dapat diperolehi dengan menjumlahkan kesemua jenis kos tetap dan jumlah kos berubah pada setiap tingkat output pengeluaran
- Jumlah kos adalah bersamaan dengan jumlah kos tetap apabila tingkat output pengeluaran adalah sifar
- Perubahan dalam jumlah kos adalah sama sejajar dengan perubahan dalam jumlah kos berubah (kerana kos tetap tidak berubah pada setiap tingkat output)
- Semakin tinggi tingkat output pengeluaran, semakin tinggi jumlah kos dan sebaliknya.
- Rumus jumlah kos ialah :

$$\text{Jumlah kos (TC)} = \text{Jumlah kos tetap (TFC)} + \text{Jumlah kos berubah (TVC)}$$

Kos Purata (Ac)

- Kos purata merujuk kepada kos seunit output dan diperolehi dengan membahagikan jumlah kos dengan jumlah output pengeluaran
- Pola kos purata ialah semakin menurun pada peringkat permulaan, mencapai nilai minimum dan seterusnya meningkat semula
- Rumus kos purata ialah :

$$\text{Kos Purata (AC)} = \frac{\text{Jumlah Kos (TC)}}{\text{Jumlah Output (TP)}}$$

Kos Marginal (Mc)

- Kos marginal merujuk kepada perubahan dalam jumlah kos kesan daripada perubahan dalam seunit output.
- Rumus kos marginal :

$$\text{Kos Marginal (MC)} = \frac{\text{Perubahan dalam jum kos } (\Delta TC)}{\text{Perubahan dalam Jumlah Output } (\Delta TP)}$$

- Dalam jangka masa pendek, perubahan dalam jumlah kos adalah bersamaan dengan perubahan dalam kos berubah untuk setiap tingkat perubahan output – kerana kos tetap adalah malar (sama) di sepanjang proses pengeluaran
- Oleh itu perubahan kos marginal juga boleh ditulis seperti yang berikut :

$$\text{Kos Marginal (MC)} = \frac{\text{Perubahan dalam kos berubah } (\Delta VC)}{\text{Perubahan dalam Jumlah Output } (\Delta TP)}$$

4.1.5 Hubungan Antara Perubahan Output Dengan Jumlah Kos, Kos Purata, Kos Marginal, Dan Kos Berubah Purata

Jumlah output (unit)	Kos tetap (FC)	Kos berubah (VC)	Jumlah kos (TC)	Kos purata (AC)	Kos marginal (MC)	Kos berubah purata (AVC)
0	100	0	100	0	-	0
1	100	50	150	150	50	50
2	100	95	195	97.5	45	47.5
3	100	130	230	76.7	35	43.3
4	100	160	260	65	30	40
5	100	195	295	59	35	39
6	100	245	345	57.5	50	40.8
7	100	315	415	59.3	70	45
8	100	395	495	61.9	80	49.4

(a) Hubungan Antara Jumlah Output dengan Jumlah Kos

- ✚ Pada output sifar, jumlah kos adalah sama dengan kos tetap iaitu RM100
- ✚ Jumlah kos semakin meningkat apabila output meningkat daripada 1 kepada 8 unit
- ✚ Ini bermakna jumlah kos berhubung positif dengan jumlah output
- ✚ Didapati perubahan jumlah kos sama dengan perubahan jumlah kos berubah pada setiap tingkat output.

(b) Hubungan Antara Jumlah Output dengan Kos Purata

- ✚ Apabila output meningkat daripada 1 unit kepada 6 unit, kos purata menurun dan mencapai nilai minimumnya pada output ke-6
- ✚ Apabila output meningkat daripada 7 unit kepada 8 unit, kos purata meningkat
- ✚ Kesimpulannya, kos purata menurun pada peringkat permulaan, mencapai nilai minimum, kemudian meningkat.

(c) Hubungan Antara Jumlah Output dengan Kos Marginal

- ✚ Apabila output meningkat daripada 1 unit kepada 4 unit, kos marginal menurun dan mencapai nilai minimumnya pada output ke-4
- ✚ Apabila output meningkat daripada 5 unit kepada 8 unit, kos marginal meningkat
- ✚ Kesimpulannya, kos marginal menurun pada peringkat permulaan, mencapai nilai minimum, kemudian meningkat.

(d) Hubungan Antara Kos Purata dengan Kos Marginal

- ✚ Apabila jumlah output meningkat, kos purata dan kos marginal semakin menurun sehingga mencapai nilai minimum masing-masing
- ✚ Kemudian kos purata dan kos marginal akan meningkat apabila jumlah output meningkat
- ✚ Apabila kos purata semakin menurun, kos marginal lebih rendah daripada kos purata ($MC < AC$) pada setiap tingkat keluaran
- ✚ Sebaliknya apabila kos purata semakin meningkat, kos marginal lebih tinggi daripada kos purata ($MC > AC$) pada setiap tingkat keluaran
- ✚ Kos purata akan menyamai kos marginal ($MC = AC$) apabila kos purata mencapai nilai minimum iaitu antara output ke-6 dan ke-7 unit.

(e) Hubungan antara Output dengan Kos Berubah Purata

- ✚ Apabila output meningkat daripada 1 hingga kepada 5 unit, kos berubah purata menurun daripada RM50 sehingga mencapai nilai minimumnya iaitu RM39
- ✚ Apabila output meningkat dari 6 hingga 8 unit, kos purata meningkat daripada RM40.80 kepada RM49.90
- ✚ Kesimpulannya, kos berubah purata menurun pada peringkat permulaan, mencapai nilai minimum dan kemudian meningkat semula

Titik Penutupan Operasi Firma Dalam Jangka Pendek

Situasi	$P > AVC$	$P = AVC$	$P < AVC$
Tindakan yang wajar	Meneruskan operasi	Meneruskan operasi	Berhenti operasi
Penerangan	• Jum.hasil dapat menampung kesemua VC dan sebahagian TC • Jika firma meneruskan operasinya, kerugian yg ditanggung hanya setakat sebahagian TC • Jika firma berhenti operasinya, jumlah kerugian firma adalah lebih besar iaitu kesemua TC	• Jumlah hasil dapat menampung kesemua kos berubah (VC) sahaja • Pada keadaan ini, firma boleh memilih sama ada untuk meneruskan operasinya kerana jumlah kerugian firma bagi kedua-dua situasi adalah sama besar iaitu kesemua kos tetap (TC)	• Jumlah hasil tidak dapat menampung semua VC • Jika firma meneruskan operasinya, kerugian adalah lebih besar iaitu kesemua TC dan sebahagian VC • Untuk mengurangkan kerugian, firma akan berhenti operasinya dan menanggung jumlah TC sahaja

NOTA :

1. **Apabila output meningkat,**
 - (a) **Jumlah kos** semakin **meningkat**
 - (b) **Kos purata, kos marginal dan kos berubah purata** menurun pada peringkat permulaan, mencapai nilai minimum, kemudian meningkat
2. Hubungan antara **kos purata (AC)** dengan **kos marginal (MC)** :
 - (a) Apabila AC menurun, $MC < AC$
 - (b) Apabila AC minimum, $MC = AC$
 - (c) Apabila AC meningkat, $MC > AC$

4.1.6 Konsep Hasil dan Untung**4.1.7 Pengiraan Jumlah Hasil dan Untung****Konsep Hasil**

- Hasil ialah jumlah nilai penerimaan yang diperoleh firma daripada jualan keluarannya.
- Jumlah hasil merupakan pendapatan kepada firma.
- Rumus hasil :

$$\text{Jumlah hasil (TR)} = \text{Harga (P)} \times \text{Kuantiti Jualan (Q)}$$
- Sesebuah firma dapat menambahkan jumlah hasilnya dengan :
 - Meningkatkan harga barang
 - Menambahkan kuantiti jualan keluarannya

Konsep Untung

- Untung adalah perbezaan antara jualan hasil dengan jumlah kos
- Rumus untung :


$$\text{Untung} = \text{Jumlah hasil} - \text{Jumlah kos}$$
- Untung merupakan ganjaran kepada usahawan atas usahanya menggabungkan faktor-faktor pengeluaran dan sanggup menanggung risiko ketidakpastian perniagaan
- Dari segi ekonomi, jumlah kos terdiri daripada kos implisit dan kos eksplisit :
- Rumus untung ekonomi :

$$\text{Untung ekonomi} = \text{Jumlah hasil} - (\text{Kos eksplisit} + \text{Kos implisit})$$

Kos Implisit	Kos Eksplisit
- Merupakan kos yang sepatutnya dibayar kepada faktor pengeluaran tetapi tidak diambil kira dalam kos pengeluaran - Contoh : ganjaran upah kepada pemilikan sendiri, kos sewa tanah kepada pemilik tanah atau bangunan milik sendiri dan faedah atau atas modal sendiri	- Kos yang dibayar dengan nyata oleh firma terhadap penggunaan input dalam proses pengeluaran barang dan perkhidmatan. - Kos ini termasuklah kos tetap dan kos berubah - Contoh : bayaran upah buruh, kos bahan mentah, faedah atas pinjaman

4.1.8 Tahap Pengeluaran Paling Cepak

- Hukum pulangan berkurangan menyatakan apabila suatu input berubah (misalnya buruh) ditambahkan secara berterusan kepada satu input tetap (misalnya tanah), maka jumlah keluaran semakin bertambah, tetapi tambahannya adalah semakin berkurangan bagi setiap unit tambahan input berubah
- Hukum pulangan berkurangan berdasarkan andaian :



Tahap 1	Tahap II	Tahap III
Jumlah keluaran bertambah dengan kadar cepat	Jumlah keluaran bertambah dengan kadar perlahan	Jumlah keluaran merosot
Pulangan marginal bertambah	Pulangan marginal berkurang	Pulangan marginal negatif

Input tetap (Tanah)	Input berubah (Buruh)	Jumlah keluaran (TP)	Keluaran purata (AP)	Keluaran marginal (MP)	
1	0	0	0	-	Tahap I Tidak cekap (Berlaku pembaziran input tetap)
1	1	6	6	6	
1	2	14	7	8	
1	3	24	8	10	
1	4	32	8	8	Hukum pulangan berkurangan mula di sini
1	5	37	7.4	5	
1	6	41	6.83	4	
1	7	44	6.28	3	
1	8	46	5.75	2	Tahap I Paling cekap
1	9	46	5.1	0	
1	10	45	4.5	-1	Tahap III Tidak cekap (Berlaku pembaziran input berubah)

- Tahap pengeluaran berkait rapat dengan kombinasi input yang optimum dalam proses pengeluaran. Tahap pengeluaran dapat dibahagikan kepada :


Tahap I	Buruh 1 – 3 orang • Bermula daripada input berubah 0 sehingga MP = AP dan AP mencapai titik maksimum • Jumlah keluaran meningkat daripada 6 kepada 24 unit apabila buruh meningkat • Keluaran purata meningkat dan mencapai maksimum pada 8 unit • Keluaran marginal meningkat lebih cepat daripada keluaran purata dan mencapai maksimum pada buruh ke-3 • Tahap pengeluaran ini tidak cekap kerana input berubah yang digunakan relatif lebih kecil berbanding input tetap • Berlaku pembaziran input tetap • Pengeluar yang rasional tidak akan berhenti mengeluarkan output pada tahap ini kerana penambahan input berubah akan meningkatkan outputnya
----------------	---

Tahap II	Buruh 4 – 9 orang • Bermula daripada MP = AP dan berakhir apabila MP = 0 • Jumlah keluaran meningkat daripada 32 unit sehingga mencapai maksimum pada 46 unit apabila bilangan buruh bertambah • Pada tahap ini nilai AP > MP • Pada tahap ini kedua-dua AP dan MP sedang menurun. TP tidak menurun tetapi meningkat dengan kadar yang berkurangan • Pada tahap ini, gabungan antara input berubah dan input tetap adalah paling cekap. Tahap ini adalah tahap yang paling rasional dan cekap bagi mengeluarkan output
Tahap III	Buruh 10 orang dan seterusnya • Bermula ketika MP = 0 ialah pada tahap TP maksimum • Penambahan penggunaan input berubah menyebabkan TP berkurangan iaitu merosot kepada 45 unit pada kuantiti buruh yang ke-10 • Pengeluar yang rasional tidak akan mengeluarkan barangan pada tahap ini kerana pertambahan penggunaan input berubah akan menyebabkan jumlah keluaran menurun, berlaku pembaziran penggunaan buruh. Ini bermakna pengeluar menggunakan lebih banyak buruh untuk menghasilkan jumlah keluaran yang semakin kurang • Pada tahap ini, berlaku ketidakcekapan dalam pengeluaran dan merugikan pengusaha


4.2 Produktiviti Dan Eksternaliti

4.2.1 Konsep Produktiviti

- Pertumbuhan ekonomi sesebuah negara dapat dicapai melalui dua cara iaitu :




- Cara kedua adalah berkaitan dengan konsep produktiviti iaitu negara mencapai pertumbuhan dengan menggunakan sumber yang sama atau kurang tetapi mampu menghasilkan output yang lebih tinggi
- Produktiviti atau daya pengeluaran ialah keupayaan untuk meningkatkan penghasilan output daripada sejumlah input yang diberikan
- Ini bermaksud produktiviti :



- Rumus pengukuran produktiviti adalah seperti berikut :


$$\text{Produktiviti} : \frac{\text{Output}}{\text{Input}}$$

- Kepentingan produktiviti dapat dijelaskan dalam rajah yang berikut :



4.2.2 Faktor Yang Mempengaruhi Produktiviti


- Produktiviti sesebuah organisasi atau industri dipengaruhi oleh faktor-faktor yang berkaitan dengan tanah, buruh, modal dan usahawan.
- Secara khususnya faktor-faktor tersebut boleh dihuraikan seperti berikut :



Faktor	Huraian
i) Tenaga Manusia	• Setiap tenaga kerja harus ditempatkan ke posisi kerja mengikut kebolehan dan kemahiran masing-masing • Tahap kemahiran individu boleh ditingkatkan melalui latihan dan program pembangunan diri • Pekerja boleh dimotivasikan melalui ganjaran secara kewangan atau bukan kewangan (contoh : anugerah kecemerlangan)
ii) Sistem dan prosedur	• Sistem dan prosedur kerja harus ringkas dan selaras dengan matlamat organisasi • Sistem dan prosedur yang efektif mampu mengesan kelemahan dalam organisasi

iii) Struktur organisasi	• Pengkhususan dalam unit masing-masing dapat meningkatkan produktiviti • Organisasi harus memilih struktur yang paling sesuai dengan operasinya
iv) Gaya kepimpinan	• Pemimpin harus memiliki kemahiran membuat keputusan yang tepat dan sudi mengambil risiko dalam menjalankan kerjayanya • Pemimpin yang berwibawa mampu memimpin dan memotivasikan ahli-ahli organisasinya
v) Persekitaran kerja	• Susun atur tempat kerja dapat memastikan operasi organisasi berjalan lancar dan persekitaran kerja kondusif dan selesa • Kemudahan yang disediakan di tempat kerja dapat membantu pekerja dalam tugas mereka
vi) Bahan-bahan	• Bahan yang berkualiti dapat mengelakkan pembaziran dan kerosakan • Pengurusan inventori yang sistematik dapat mengelakkan penyimpanan stok yang berlebihan dan bekalan bahan sentiasa mencukupi untuk proses pengeluaran
vii) Teknologi	• Penggunaan peralatan atau mesin moden dan pelaksanaan sistem automasi komputer dapat menjimatkan masa dan tenaga buruh • Aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) penting untuk membawa inovasi dan pemurnian dalam proses pengeluaran
viii) Kelengkapan modal	• Bagi memastikan kelengkapan modal berfungsi baik, penyelenggaraan dan pemeriksaan harus dijalankan dari semasa ke semasa • Penggunaan kelengkapan modal harus dirancang supaya semuanya dapat digunakan dengan optimum

4.2.3 Eksternaliti



- Misalnya, pengeluaran yang dijalankan oleh kilang boleh menyebabkan pencemaran air jika bahan buangan firma disalurkan ke dalam sungai atau laut. Kos ini tidak diambil kira dalam harga pasaran. Namun pada masa yang sama dengan adanya kilang-kilang ini, penduduk dapat peluang pekerjaan dan memperoleh pendapatan untuk membaiki taraf hidup. Faedah ini juga tidak dimasukkan dalam harga pasaran.

4.2.4 Kos Sosial Dan Faedah Sosial

- Kos sosial merupakan eksternaliti negatif manakala faedah sosial merupakan eksternaliti positif :


Kos Sosial	Faedah Sosial
Kos sosial ialah kos kepada pihak ketiga yang tidak termasuk dalam harga pasaran	Faedah sosial iaitu faedah kepada pihak ketiga selain pengguna dan pengeluar
Contoh : Aktiviti pengeluaran minyak petroleum dan pembuangan sisa toksik kilang yang berleluasa	Contoh : Barang dan perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan seperti hospital dan alat pemadam api
Kesan : Aktiviti ini menyebabkan pencemaran alam sekitar yang merugikan nelayan dan alam sekitar	Kesan : penggunaan alat pemadam api memberi faedah kepada masyarakat sekeliling tanpa sebarang bayaran

4.2.5 Contoh Kos Sosial

- Secara rumus, kos sosial dapat dijelaskan seperti berikut :

$$\text{Kos sosial} = \text{Kos peribadi} + \text{Kos luaran}$$

- Jika tiada kos luaran lain, kos peribadi adalah bersamaan kos sosial



- Contoh lain kos luaran ialah seperti :
 - Pencemaran alam sekitar akibat bahan buangan berbahaya oleh kilang
 - Pencemaran bunyi dari kelab malam
 - Pembebasan asap rokok
- Ini merupakan suatu kegagalan pasaran kerana kos peribadi tidak menggambarkan kos sebenar yang ditanggung oleh sesebuah masyarakat
- Kos sebenar yang ditanggung oleh sesebuah masyarakat dikenal sebagai kos sosial

Contoh Faedah Sosial

- Secara rumus, faedah sosial dapat dijelaskan seperti berikut :

$$\text{Faedah sosial} = \text{Faedah peribadi} + \text{Faedah luaran}$$

- Contohnya, seseorang individu memilih menunggang basikal pergi bekerja. Antara faedah peribadinya termasuklah :
 - Kos pengangkutan yang lebih rendah berbanding memandu kereta
 - Faedah kesihatan daripada menunggang basikal
 - Mengelak kesesakan lalu lintas dan menjimatkan masa perjalanan
- Faedah sosial daripada menunggang basikal juga mendatangkan faedah luaran seperti :
 - Kadar kesesakan lalu lintas yang rendah
 - Kadar pencemaran alam sekitar yang lemah
 - Kos perubatan kesihatan yang lebih rendah kepada orang ramai
- Jika sesuatu barangan mempunyai faedah luaran yang sangat menonjol, jumlah faedah sosial akan menjadi lebih besar daripada faedah peribadi